



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN FAKTOR KEUSAHAWANAN TERHADAP NIAT MEMULAKAN
PERNIAGAAN INOVATIF DALAM KALANGAN MAHASISWA DIPLOMA
KEUSAHAWANAN, UPSI.**

NORLIZA BINTI YAHYA @ ZAKARIA

D20201093996



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya dengan ini mengaku bahawa kerja-kerja ini telah dilakukan oleh saya sendiri sepenuhnya dan tidak ada bahagian daripada kerja ini dalam mana-mana tesis yang telah dikemukakan untuk menyokong mana-mana permohonan untuk ijazah atau kelayakan lain atau mana-mana institusi pengajian tinggi lain. Projek Tahun Akhir ini dibentangkan bagi memenuhi keperluan. Di mana penggunaan hasil kerja orang lain telah diakui sepenuhnya dan dirujuk sewajarnya.



Norliza Binti Yahya @ Zakaria

D20201093996

Tarikh: **27/02/2024**





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala syukur dan terima kasih kepada Allah di atas segala kekuatan yang dikurniakan kepada saya dengan izinNya penulis dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Muda Pendidikan Pengurusan Perniagaan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia yang disayangi Dr. Jessnor Elmy Binti Mat Jizat, beliau adalah guru yang sangat hebat kerana memberikan bantuan, panduan dan nasihat dalam menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan kepada semua barisan pensyarah dan staf Bahagian Hal Ehwal Akademik UPSI khususnya yang membantu dalam urusan pengumpulan data dan memberi ilmu yang tidak ternilai.

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan (Zulnaim Zaidi, Lukman Akif dan Sofea Ilham) yang membantu, menegur kesalahan dan memberi idea terhadap kajian saya. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada ibu tersayang yang sentiasa memahami, memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa anda semua siapalah saya.

Akhir kata, terima kasih untuk semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Harapan saya agar kajian ini dapat membantu dan memudahkan pihak atau pengkaji yang seterusnya untuk mendapatkan maklumat dan sebagainya. Didoakan semoga segala jasa dan budi semua mendapat kerahmatan daripada Allah s.w.t.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menentukan pengaruh faktor keusahawanan terhadap niat memulakan perniagaan inovatif dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI. Faktor keusahawanan yang diuji terdiri daripada empat komponen iaitu Pendidikan Keusahawanan, Keupayaan Keusahawanan, Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan dan Sikap Keusahawanan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan deduktif. Sampel kajian terdiri daripada 68 orang mahasiswa yang dipilih menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Data dianalisis menggunakan analisis Regresi Berganda. Hasil kajian mendapati Program Kurikulum mempengaruhi Keupayaan Keusahawanan secara positif dan signifikan ($\beta=0.486$, $p=0.000$), Keupayaan Keusahawanan mempengaruhi Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan secara signifikan ($\beta=0.473$, $p=0.000$) manakala Pendidikan Sosial mempengaruhi Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan secara negatif dan signifikan ($\beta=-0.205$, $p=0.030$). Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan mempengaruhi Sikap Keusahawanan secara positif dan signifikan ($\beta=0.577$, $p=0.000$). Akhir sekali, Sikap Keusahawanan mempengaruhi Niat Memulakan Perniagaan Inovatif secara positif dan signifikan ($\beta=0.666$, $p=0.000$). Kesimpulannya, faktor keusahawanan dapat meningkatkan niat memulakan perniagaan inovatif. Implikasinya, dapatan kajian memberikan panduan berguna kepada pihak berkepentingan untuk merangka program keusahawanan dalam usaha meningkatkan kecenderungan mahasiswa untuk memulakan perniagaan inovatif.





ABSTRACT

This study aims to determine the influence of entrepreneurial factors on the intention to start an innovative business among the Diploma of Entrepreneurship students at UPSI. The entrepreneurship factor tested consists of four components, namely, Entrepreneurship Education, Entrepreneurial Ability, Entrepreneurial Self-Efficacy and Entrepreneurial Attitude. This study uses a quantitative and deductive approach. The study sample consisted of 68 students who were selected using a simple random sampling technique. Data was collected using a questionnaire as the instrument. Data were analysed using Multiple Regression analysis. The results of the study found that Curriculum Programs affect Entrepreneurial Ability positively and significantly ($\beta=0.486$, $p=0.000$), Entrepreneurial Ability affect Self-Efficacy In Entrepreneurship significantly ($\beta=0.473$, $p=0.000$) while Social Education affects Self-Efficacy in Entrepreneurship negatively and significantly ($\beta=-0.205$, $p=0.030$). Entrepreneurial Self-Efficacy positively and significantly affects Entrepreneurial Attitude ($\beta=0.577$, $p=0.000$). Finally, Entrepreneurial Attitude positively and significantly affects the Intention to Start an Innovative Business ($\beta=0.666$, $p=0.000$). In conclusion, entrepreneurial factors can increase the intention to start an innovative business. The implication is that the findings of the study provide useful guidance to stakeholders in designing entrepreneurship programs to increase the propensity of students to start innovative businesses.





Isi Kandungan

BAB 1.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Pernyataan masalah	3
1.4 Objektif kajian.....	5
1.5 Persoalan kajian.....	6
1.6 Hipotesis Kajian	6
1.7 Kerangka Konseptual Kajian.....	7
1.8 Kepentingan Kajian.....	8
1.9 Batasan Kajian	10
1.10 Definisi Operasional Kajian	10
1.10.1 Niat Memulakan Perniagaan Inovatif.....	10
1.10.2 Program Kurikulum.....	11
1.10.3 Program Kokurikulum.....	11
1.10.4 Pendidikan Sosial.....	12
1.10.5 Keupayaan Keusahawanan.....	12
1.10.6 Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan	13
1.10.7 Sikap Keusahawanan.....	13
1.11 Struktur Kajian	14
1.12 Rumusan Bab	14
BAB 2.....	15
2.1 Pengenalan.....	15
2.2 Niat Memulakan Perniagaan Inovatif.....	15
2.3 Program Kurikulum.....	16
2.4 Program Kokurikulum.....	17
2.5 Pendidikan Sosial	17
2.6 Keupayaan Keusahawanan.....	18
2.7 Efikasi kendiri Dalam Keusahawanan	18
2.8 Sikap Keusahawanan	19
2.9 Kerangka Teori.....	20
2.10 Pembangunan Hipotesis.....	21
2.10.1 Pengaruh program kurikulum, program kokurikulum dan pendidikan sosial terhadap keupayaan keusahawanan.....	21





2.10.2	Pengaruh program kurikulum, program kokurikulum, pendidikan sosial dan keupayaan keusahawanan terhadap efikasi sendiri dalam keusahawanan.	23
2.10.3	Pengaruh program kurikulum, program kokurikulum, pendidikan sosial dan efikasi sendiri dalam keusahawanan terhadap sikap keusahawanan.....	24
2.10.4	Pengaruh keupayaan keusahawanan, efikasi sendiri dalam keusahawanan dan sikap keusahawanan terhadap niat memulakan perniagaan inovatif.....	25
BAB 3.....		27
3.1	Pengenalan.....	27
3.2	Reka bentuk kajian.....	27
3.3	Lokasi Kajian	28
3.4	Populasi dan sampel.....	28
3.5	Item Pengukuran Kajian	30
3.5.1	Bahagian A: Demografi Responden	31
3.5.2	Bahagian B:	31
3.6	Kesahan Instrumen Kajian.....	37
3.7	Kajian Rintis.....	47
3.8	Kutipan Data.....	48
3.9	Analisis Data	51
3.9.1	Statistik Deskriptif.....	51
3.9.2	Statistik Inferensi.....	52
3.10	Rumusan bab.....	54
BAB 4.....		55
4.1	Pengenalan.....	55
4.2	Analisis Deskriptif.....	55
4.2.1	Profil Responden.....	55
4.3	Analisis Awal	57
4.3.1	Pengujian Normaliti.....	57
4.4	Tafsiran Dapatan Kajian / Pengujian Hipotesis (mengikut objektif / persoalan kajian).....	59
4.4	Rumusan bab.....	70
BAB 5.....		71
5.1	Pengenalan.....	71
5.2	Perbincangan.....	71
5.3	Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian (mengikut objektif / persoalan kajian) ..	72





5.3.1	Pengaruh Program Kurikulum terhadap Keupayaan Keusahawanan.....	72
5.3.2	Pengaruh Program Kokurikulum, Pendidikan Sosial dan Keupayaan Keusahawanan terhadap Efikasi Kendiri dalam Keusahawanan.....	73
5.3.3	Pengaruh Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan terhadap Sikap Keusahawanan	73
5.3.4	Sikap keusahawanan terhadap Niat Memulakan Perniagaan Inovatif.....	74
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	74
5.5	Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan.....	76
5.6	Kesimpulan kajian.....	76





SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan Enrolmen berdasarkan Diploma Keusahawanan FPE 2023.	29
3.2 Krejcie & Morgan 1970.	30
3.3 Bilangan Item Instrumen bagi Bahagian A & B.	31
3.4 Komen Pengesah Instrumen Kajian	38
3.5 Soalan Soal Selidik	44
3.6 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	47
4.1 Profil Respponden	57
4.2 Kenormalan Taburan Data	59
4.3 Analisis Regresi Berganda Keupayaan Keusahawanan	60
4.4 Analisis Regresi Berganda Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan	61
4.5 Analisis Regresi Berganda Sikap Keusahawanan	63
4.6 Analisis Regresi Berganda Niat Memulakan Perniagaan Inovatif	65
4.7 Keputusan Dapatan Kajian	67
4.8 Keputusan Hipotesis	78



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	8
2.1 Theory Of Planned Behavior (TPB)	21
3.1 Proses Pengumpulan Data	50
4.1 Keputusan Dapatan Kajian	67



SENARAI SINGKATAN

UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
TPB	<i>Theory Of Planned Behavior</i>
FPE	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
BHEA	Bahagian Hal Ehwal Akademik
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
WEF	Forum Ekonomi Sedunia
TRA	teori tindakan beralasan
PBC	<i>(perceived behavioral control)</i>
PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keusahawanan menjadi semakin penting dalam ekonomi masa kini yang pesat berubah. Generasi muda adalah kumpulan sasaran yang banyak menyumbang kepada landskap keusahawanan. Mereka dikatakan mempunyai banyak potensi dan minat yang mendalam untuk memulakan perniagaan sendiri. Dengan memahami apa yang mendorong generasi muda untuk memulakan perniagaan yang inovatif, kajian ini berharap dapat membantu generasi muda ini mencapai matlamat mereka dan menyumbang kepada ekonomi dan masyarakat.



Kajian ini memfokuskan kepada mahasiswa peringkat diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi memahami senario keusahawanan dalam generasi masa kini terutamanya dalam perniagaan inovatif. Kajian ini mengkaji empat komponen yang mempengaruhi niat mahasiswa untuk memulakan perniagaan inovatif iaitu Pendidikan Keusahawanan, Keupayaan Keusahawanan, Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan dan Sikap Keusahawanan. Adalah diharapkan agar kajian ini dapat membantu pemegang taruh untuk lebih memahami cara untuk menyokong dan mempromosikan keusahawanan perniagaan inovatif kepada mahasiswa.

Kertas projek ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama ini akan menjelaskan secara ringkas mengenai kajian yang ingin dilaksanakan, dimulakan dengan pengenalan, latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang menerangkan jurang dalam literatur. Seterusnya, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian serta kerangka konsep kajian akan diterangkan. Kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi konstruk bagi setiap





pembolehubah juga akan dihuraikan bagi memudahkan pemahaman berkaitan kajian ini. Akhir sekali, keseluruhan bab ini akan dirumuskan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Fenomena keusahawanan mempunyai pelbagai dimensi. Menurut Sally Smith, Hamilton, dan Fabian (2019), usahawan ialah "seorang individu yang menubuhkan dan menguruskan perniagaan untuk keuntungan dan pertumbuhan." Menjadi seorang usahawan melibatkan lebih daripada sekadar memulakan sebuah syarikat. Minda keusahawanan perlu disemai dalam diri pelajar melalui pendidikan keusahawanan yang sesuai. Pendidikan keusahawanan telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor utama yang boleh mempengaruhi keputusan kerjaya pelajar pada abad ke-21 (Wei Xingjian et al., 2019; Robert et al., 2018). Persepsi pelajar terhadap keusahawanan dan pilihan pekerjaan lain boleh dipengaruhi dengan memperkenalkan konsep pendekatan perusahaan dan usahawan dalam pengajian tinggi (H. Kassan et al., 2015). Bidang keusahawanan boleh dijadikan wadah bagi mengurangkan masalah peningkatan kadar pengangguran yang ketara berlaku di masa ini.

Sebagai satu usaha untuk memulakan perniagaan, kita perlu menyemai niat keusahawanan dalam diri mahasiswa. Pendidikan keusahawanan merupakan batu loncatan sebagai satu pengetahuan awal sebelum memulakan perniagaan. Individu yang mempunyai pemikiran keusahawanan biasanya mencari peluang untuk mengurus perniagaan dan menjana idea inovatif dalam syarikat tempat mereka bekerja. Atribut ini penting untuk pembangunan sosial dan ekonomi serta permulaan dan pertumbuhan perusahaan semasa. Menurut Linan et al. (2008), aktiviti keusahawanan meningkatkan daya saing, menjana peluang pekerjaan, dan memupuk pertumbuhan ekonomi. Pemikiran usahawan yang maju bermula dari pendidikan yang mereka pelajari.

Di negara Vietnam, sebanyak 248,824 firma baharu telah beroperasi pada tahun 2010. Berikutan daripada gelombang baru kemakmuran ekonomi yang melanda negara



mereka, beribu-ribu perniagaan baharu telah diasaskan pada tahun itu, dan ramai usahawan melancarkan syarikat mereka sendiri.

Banyak faktor telah ditunjukkan oleh penyelidik sebelum ini berkaitan dengan niat untuk memulakan perniagaan sendiri, dan pendidikan keusahawanan adalah salah satu yang paling penting. Hederson dan Robertson (2000) dan Galloway dan Brown (2002) kedua-duanya memberikan bukti bahawa pendidikan keusahawanan memainkan peranan penting dalam menentukan niat keusahawanan. Tambahan pula, niat untuk mencipta permulaan yang inovatif adalah peramal utama tingkah laku keusahawanan masa depan (Katz, 1988; Reynolds, 1995; Krueger et al., 2000).

Menurut laporan Suruhanjaya Eropah (2006) pendidikan adalah amat penting untuk meningkatkan kebolehan dan kemahiran usahawan. Melalui pendidikan ini mahasiswa dapat belajar dan faham dengan baik berkaitan konsep keusahawanan. Namun begitu, sebelum memulakan pendidikan keusahawanan, mahasiswa perlu mempunyai niat permulaan inovatif (keusahawanan) sebagai titik permulaan untuk mereka mendapatkan ilmu keusahawanan dan seterusnya bertindak untuk memulakan usahawanan secara fizikal.

1.3 Pernyataan masalah

Kadar pengangguran dalam kalangan graduan semakin membimbangkan. Menurut Astro Awani (2021), pada Mei 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan terdapat lebih 728,000 orang bersamaan 4.5 peratus jumlah penganggur di Malaysia. Forum Ekonomi Sedunia (WEF) pula melaporkan di peringkat global, kadar pengangguran terutamanya membabitkan golongan muda berada di tahap membimbangkan terutama tatkala pandemik COVID-19 masih belum reda. Namun begitu, kadar pengangguran di Malaysia pada November 2023 dikatakan telah kembali pada paras prapandemik iaitu 3.3 peratus dengan 569,200 penganggur, berbanding 3.4 peratus dicatatkan pada Oktober 2023, (DOSM, 2021). Mohd Uzir (2024) berkata daripada bilangan mereka yang bekerja, 75.3 peratus berada dalam kategori pekerja. Mereka yang dalam kategori bekerja sendiri juga



meningkat 0.3 peratus kepada 2.99 juta. Walau bagaimanapun, cadangan kerajaan kini ialah menggalakkan penciptaan pekerjaan dimana merangsang pekerjaan dan keusahawanan baru, memfokuskan kepada orang muda yang paling rentan dan pastikan mereka bekerja.

Niat memulakan perniagaan adalah amat penting bagi seorang usahawan dan ia didorong oleh latar belakang pendidikan mereka, serta ciri psikologi tertentu, kecekapan, dan kemahiran (Garrido-Yserte et al., 2020; Lopez-Núñez et al., 2020). Menurut Amran, dan Seman (2021), minat, persepsi dan sikap perlu diterapkan supaya mereka berminat untuk menjadi seorang usahawan serta mempunyai niat untuk menjadikan keusahawanan ini sebagai pekerjaan selepas tamat pengajian.

Penyelidikan dalam mengupayakan graduan untuk menceburi bidang perniagaan masih kurang (Garrido-Yserte et al., 2020). Oleh itu, kajian ini akan mengkaji pengaruh faktor keusahawanan terhadap niat memulakan perniagaan inovatif dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI. Pendidikan keusahawanan perlu diperluaskan untuk membantu orang-orang yang berminat untuk meneruskan usahawan dalam kalangan masyarakat kita.

Memperoleh kemahiran keusahawanan adalah penting untuk memajukan masyarakat dan membuat kemajuan (López-Núñez et al., 2020). Kajian terdahulu telah mengkaji hubungan antara pendidikan keusahawanan dan pertumbuhan ekonomi, penciptaan pekerjaan dan peningkatan daya tahan masyarakat. Selain itu, kajian ini mengkaji kesan individu pendidikan keusahawanan terhadap penglibatan dan kesaksamaan sekolah (Lackeus, 2015).

Penyelidikan mengenai aktiviti keusahawanan belia tertentu masih kurang (Garrido-Yserte et al., 2020). Banyak kajian penyelidikan mengkaji aspirasi pelajar untuk memulakan perniagaan mereka sendiri (Nabi et al., 2017) namun begitu niat untuk menjadi usahawan perlulah bermula dari diri sendiri kerana jika bukan seseorang itu yang bermula niat itu tidak akan wujud. Sikap yang positif dari seseorang akan membawa ke arah positif seperti memulakan keusahawanan dengan baik tanpa sebarang masalah. Jika





seseorang itu tidak mempunyai keupayaan dalam diri mereka bagaimanakah mereka dapat memulakan keusahawanan kerana mereka mengetahui diri mereka tidak berupaya dalam melakukan sebarang aktiviti yang aktif.

Oleh itu, kajian ini akan mengkaji peranan faktor keusahawanan terhadap niat memulakan perniagaan inovatif dalam kalangan mahasiswa diploma keusahawanan, UPSI. Melalui kajian ini kita dapat melihat sejauh mana Pendidikan Keusahawanan, Keupayaan Keusahawanan, Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan dan Sikap Keusahawanan. boleh mempengaruhi niat memulakan perniagaan inovatif dalam kalangan mahasiswa. Melalui pendidikan pada taraf diploma kita akan menyedarkan mahasiswa supaya mengambil peluang ini untuk menjadi usahawan muda yang berjaya dan produktif dengan niat memulakan perniagaan inovatif. Permulaan ini bermula dengan program kurikulum, program kokurikulum, pendidikan sosial, keupayaan keusahawanan, efikasi kendiri dalam keusahawanan dan sikap keusahawanan mereka dalam menentukan niat memulakan perniagaan inovatif.



1.4 Objektif kajian

1. Menentukan sama ada Program Kurikulum, Program Kokurikulum dan Pendidikan Sosial mempengaruhi Keupayaan Keusahawanan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.
2. Menentukan sama ada Program Kurikulum, Program Kokurikulum, Pendidikan Sosial dan Keupayaan Keusahawanan mempengaruhi Efikasi Kendiri mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.
3. Menentukan sama ada Program Kurikulum, Program Kokurikulum, Pendidikan Sosial dan Efikasi Kendiri mempengaruhi Sikap mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.
4. Menentukan sama ada Keupayaan Keusahawanan, Efikasi Kendiri dan Sikap mempengaruhi Niat Memulakan Perniagaan Inovatif mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.



1.5 Persoalan kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan yang dinyatakan di bawah:

1. Adakah Program Kurikulum, Program Kokurikulum dan Pendidikan Sosial mempengaruhi Keupayaan Keusahawanan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI?.
2. Adakah Program Kurikulum, Program Kokurikulum, Pendidikan Sosial dan Keupayaan Keusahawanan mempengaruhi Efikasi Kendiri mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI?.
3. Adakah Program Kurikulum, Program Kokurikulum, Pendidikan Sosial dan Efikasi Kendiri mempengaruhi Sikap mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI?.
4. Adakah Keupayaan Keusahawanan, Efikasi Kendiri dan Sikap mempengaruhi Niat Memulakan Perniagaan Inovatif mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI?.

1.6 Hipotesis Kajian

H1a: Program Kurikulum mempengaruhi Keupayaan Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H1b: Program Kokurikulum mempengaruhi Keupayaan Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H1c: Pendidikan Sosial mempengaruhi Keupayaan Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H2a: Program Kurikulum mempengaruhi Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H2b: Program Kokurikulum mempengaruhi Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H2c: Pendidikan Sosial mempengaruhi Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H2d: Keupayaan Keusahawanan mempengaruhi Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.



H3a: Program Kurikulum mempengaruhi Sikap Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H3b: Program Kokurikulum mempengaruhi Sikap Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H3c: Pendidikan Sosial mempengaruhi Sikap Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H3d: Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan mempengaruhi Sikap Keusahawanan secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H4a: Keupayaan Keusahawanan mempengaruhi Niat Memulakan Perniagaan Inovatif secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.

H4b: Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan mempengaruhi Niat Memulakan Perniagaan Inovatif secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.


H4c: Sikap Keusahawanan mempengaruhi Niat Memulakan Perniagaan Inovatif secara signifikan dalam kalangan mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual yang ditunjukkan dalam rajah 1.1 ialah melibatkan pembolehubah yang tak bersandar yang terdiri daripada program kurikulum, program kokurikulum, pendidikan sosial, keupayaan keusahawanan, efikasi kendiri dalam keusahawanan dan sikap keusahawanan. Namun, pemboleh ubah bersandar merupakan niat memulakan perniagaan inovatif mahasiswa Diploma Keusahawanan, UPSI di Malaysia.





Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji peranan pendidikan keusahawanan dalam memupuk niat memulakan perniagaan inovatif dalam kalangan mahasiswa diploma keusahawanan, UPSI. Kajian ini membawa kepentingan untuk beberapa pihak yang berkepentingan seperti **mahasiswa**, **masyarakat** dan **negara**. Kajian ini sangat mempengaruhi ketiga-tiga pihak ini kerana peranan semasa dan selepas kajian ini memberi impak yang positif kepada mereka. Dengan kajian ini kita dapat lihat perubahan kepada mereka sendiri.

Kepentingan kajian kepada **mahasiswa** ialah dapat membantu mereka untuk meneruskan keusahawanan dengan berilmu dan mengetahui proses yang dapat dilakukan seperti berniaga dengan cara yang betul dan konsisten. Penting untuk mahasiswa supaya mereka sedar bahawa perniagaan ini adalah satu pekerjaan yang fleksibel, mereka boleh melakukannya dimana dan pada bila-bila masa. Pada umur mereka yang kita ketahui umur bagi seorang mahasiswa diploma berumur 18 tahun keatas, secara logiknya mereka mempunyai pemikiran yang memerlukan wang untuk kegunaan mereka seharian. Dengan pendedahan keusahawanan secara terbuka, kita dapat meyakinkan mereka untuk menyertai seorang usahawan sambil belajar pada waktu belajar mereka. Usahawan ini boleh



dilakukan secara kerja sambilan sahaja dimana mereka akan berniaga sambil belajar. Hal ini, dapat membantu mereka dan memberi peluang supaya bijak menguruskan masa dan pengurusan. Bukan sahaja dapat memberi manfaat seperti mempunyai ilmu berniaga tetapi dapat ilmu pendidikan. Bak kata pepatah sambil menyelam minum air. Sebagai contohnya, seorang mahasiswa diploma membuat kerja sambilan dengan berniaga makanan seperti keropok, biskut dan makanan ringan di tempat kolej kediaman melalui media sosial. Beliau berniaga pada waktu petang sehingga malam dimana beliau akan memberi perkhidmatan penghantaran atau mengambil sendiri di tempat kediamannya. Beliau tidak membuka kedai atau sewa mana-mana tempat untuk berniaga. Hal ini dapat kita lihat bahawa beliau bijak berniaga sebagai seorang mahasiswa.

Selain itu, kepentingan kajian kepada **masyarakat** ialah dapat mempengaruhi mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya. Ini kerana, apabila mereka melihat seorang mahasiswa yang sedang belajar dapat menjadi seorang usahawan ketika mereka belajar, sudah tentu masyarakat mempunyai sifat yang positif untuk meneruskan usahawan ini. Hal ini juga dapat mengurangkan masalah pengangguran di dalam masyarakat kita terutama graduan yang baru sahaja tamat pengajian mereka. Pekerjaan sukar untuk ditemukan malah ramai majikan tidak yakin dengan graduan kerana risau mereka bekerja sementara sahaja lebih-lebih lagi graduan yang mempunyai ijazah sarjana muda pendidikan. Ini kerana, mereka menganggap graduan ini akan berhenti bekerja setelah mendapat panggilan temuduga menjadi seorang pendidik. Bagi mengelak berlakunya masalah pengangguran, usahawan adalah salah satu pekerjaan yang dapat membantu graduan dan masyarakat sekeliling. Sebagai contohnya, suri rumah sepenuh masa. Mereka ini sudah tentu berada dirumah sepanjang hari, tetapi mereka juga dapat membuat pendapatan sampingan semasa dirumah dengan menjadi seorang usahawan. Masyarakat sekeliling dapat berniaga mengikut kemampuan mereka sendiri untuk mengurus dan memastikan perniagaan itu tidak memberi tekanan kepada mereka sendiri. Jika dilihat, masyarakat sangat penting untuk kajian ini supaya ramai orang sedar bahawa usahawan boleh diteruskan dengan mempunyai sikap yang berdisiplin dan keupayaan untuk meneruskan usahawan yang berjaya pada sepanjang masa.





Kepentingan kajian seterusnya ialah kepada negara. Usahawan sangat penting untuk negara berkembang dan maju. Dengan kewujudan usahawan-usahawan ini negara kita berpotensi mempromosikan negara tercinta dengan baik. Perniagaan adalah salah satu cara untuk kita berhubung dengan negara luar malah berpotensi untuk menyumbangkan ekonomi negara dengan baik. Ekonomi negara sangat penting kerana perkhidmatan atau segala pengeluaran barang ini akan mempengaruhi ekonomi negara kita. Masalah pengangguran juga dapat diatasi dan masalah ekonomi negara juga berkurang. Sebagai contoh, semakin ramai orang memilih untuk berniaga semakin kurang masalah pengangguran dan semakin meningkat ekonomi negara kita.

1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk memfokuskan kepada mahasiswa Diploma Keusahawanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sahaja. Pengkaji memfokuskan kepada program diploma keusahawanan kerana ingin memberi pendedahan awal kepada mereka sebelum menempuhi ke peringkat sarjana muda.

1.10 Definisi Operasional Kajian

1.10.1 Niat Memulakan Perniagaan Inovatif

Keinginan untuk memulakan perniagaan yang inovatif merujuk kepada niat seseorang untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan dengan matlamat untuk membangunkan produk baharu melalui prospek perniagaan dan kecenderungan risiko (Ramayah & Harun, 2005; Kristiansen & Indarti, 2004).

Definisi niat memulakan perniagaan inovatif dalam kajian ini merujuk kepada kesanggupan untuk melancarkan perniagaan dalam beberapa tahun selepas tamat pengajian (Mueller, 2011), sama ada bersendirian atau bersama pelajar lain (Reynolds et al., 2005).



1.10.2 Program Kurikulum

Piperopoulos dan Dimov (2015) menekankan kepentingan pembangunan kurikulum yang memudahkan pelajar untuk membangunkan kemahiran keusahawanan penting seperti inovasi, membuat keputusan, dan kemahiran menyesuaikan diri.

Dalam kajian ini, program kurikulum merujuk kepada kursus dan kandungan program keusahawanan di universiti (Oyugi, 2014). Program keusahawanan di universiti meliputi pelbagai aspek termasuk teori, pengurusan perniagaan, pelan perniagaan, pemasaran dan sebagainya. Ia juga menekankan keupayaan mengenal pasti peluang, berfikir kreatif dan sebagainya.

1.10.3 Program Kokurikulum

Menurut Linton dan Klinton (2019), program kokurikulum di universiti merangkumi satu siri acara yang direka untuk mengajar pelajar nilai kehidupan dan kepentingan kerjasama, sambil memberikan pengalaman praktikal yang diperoleh daripada pengajian mereka sendiri. Iglesias-Sanchez et al. (2019) menyatakan bahawa universiti mengiktiraf nilai tambah aktiviti kokurikulumnya, termasuk kursus latihan, seminar, dan eksperimen yang bertujuan untuk membangunkan amalan inovatif dalam memulakan perniagaan. Pengalaman praktikal seperti ini membantu menyediakan pelajar untuk menangani cabaran dunia sebenar dalam memulakan dan menguruskan usaha baharu.

Dalam kajian ini, program kokurikulum merujuk kepada aktiviti yang melangkaui aktiviti tradisional adalah inovatif, membawa unsur risiko dan membawa kepada ganjaran kewangan. Aktiviti yang menyediakan sokongan maklumat untuk membangunkan niat keusahawanan (Abreu, 2013).



1.10.4 Pendidikan Sosial

Keupayaan manusia diperoleh bukan sahaja daripada pengalaman pribadi mereka, tetapi juga dalam persekitaran mereka, ia adalah proses untuk memahami motivasi, emosi, dan manusia tindakan dalam masyarakat (Hien, & Cho, 2018). Semua orang mempunyai keupayaan untuk belajar, pendidikan sosial bukan sahaja daripada pengalaman mereka sendiri tetapi juga daripada orang-orang yang berada di sekeliling mereka (Bandura, 1986).

Definisi pendidikan sosial dalam kajian ini merujuk kepada keupayaan manusia untuk belajar bukan sahaja dari pengalaman mereka sendiri tetapi dari pengalaman orang sekeliling.

1.10.5 Keupayaan Keusahawanan



Shane (2003) menegaskan bahawa proses keusahawanan memupuk keupayaan untuk mengenali peluang, mengumpul dan mengatur sumber, dan mengubah suai pelan tindakan untuk memanfaatkannya. Pulangan yang dijangkakan untuk memanfaatkan peluang mungkin akan meningkat dengan pengetahuan, kebolehan, dan maklumat yang diperoleh melalui pendidikan. Menurut Mullen dan Shepherd (2006), pendidikan keusahawanan bukan sahaja memberi seseorang maklumat, pengetahuan, dan kebolehan yang mereka perlukan untuk merebut peluang, tetapi ia juga memberi mereka kemahiran analisis dan pemahaman tentang proses keusahawanan yang mereka perlukan untuk membuat keputusan perniagaan yang baik.

Keupayaan keusahawanan dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran yang dikenal pasti oleh keusahawanan sebagai ciri individu yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan.





1.1 0.6 Efikasi Kendiri Dalam Keusahawanan

Efikasi sendiri ditakrifkan sebagai pertimbangan mseseorang terhadap kebolehannya sendiri untuk menyusun dan melaksanakan tugas untuk mencapai prestasi yang optimum. (Mani, 2019). Kurniawati (2020) menyatakan bahawa efikasi sendiri ialah bagaimana seseorang individu menentukan sesuatu yang difikirkannya, memotivasikan dirinya, dan cara berkelakuan. Mereka lebih suka berfikiran positif dan membangunkan personaliti yang kuat dalam dirinya.

Dalam kajian ini, efikasi sendiri dalam keusahawanan merujuk kepada individu mempunyai keupayaan untuk mencapai kejayaan mereka kerana berusaha dengan gigih bagi mencapai matlamat dan mereka lebih gigih apabila berhadapan dengan kesukaran dan situasi yang memberi tekanan (Chiara, 2021) . Individu ini juga lebih bersikap kepada kejayaan yang akan dimilikinya. Seseorang individu ini akan lebih berusaha untuk memiliki kejayaan dengan semangat yang tinggi dan bermotivasi.



1.10.7 Sikap Keusahawanan

Dalam konteks keusahawanan, sikap ditakrifkan sebagai tahap di mana seseorang individu melihat tingkah laku keusahawanan dan hasilnya sebagai berbaloi, berfaedah dan menguntungkan (Azen, 2017). Individu yang mempunyai sikap yang positif akan lebih menguntungkan dirinya dalam mengusahakan keusahawanan seperti dapat menarik minat pelanggan, tidak malu untuk memasarkan jualan serta jika mengalami kerugian dia tidak akan mengalah begitu sahaja.

Dalam kajian ini, sikap keusahawanan merujuk kepada langkah-langkah sikap, kognisi sosial dan proses untuk menjadi seorang usahawan (Schlaegel n Koenig, 2014).



1.11 Struktur Kajian

Laporan kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab 1 memperkenalkan isu yang berkaitan dengan topik yang sedang dikaji dan menjelaskan idea asas penyelidikan. Bab 2 mengkaji secara kritis berkaitan dengan kajian-kajian lepas dan hasil dapatan kajian yang berkaitan dengan faktor keupayaan, efikasi diri dan sikap dalam memupuk niat permulaan inovatif keusahawanan dalam kalangan mahasiswa diploma, UPSI. Bagi memenuhi objektif dan menjawab persoalan kajian, konstruk-konstruk penting dibincangkan dalam rangka kerja bagi menguji hipotesis-hipotesis yang dicadangkan. Bab 3 pula menerangkan metodologi kajian yang akan digunakan untuk menguji hipotesis yang dicadangkan.

1.12 Rumusan Bab

Bab ini memperkenalkan isu yang berkaitan dengan topik yang sedang dikaji dan menjelaskan idea asas penyelidikan. Secara spesifiknya, bab ini menerangkan secara ringkas situasi atau keadaan yang menggesa satu kajian dijalankan berhubung dengan pendidikan keusahawanan yang melibatkan program kurikulum, program kokurikulum, pendidikan sosial, keupayaan, efikasi diri dan sikap keatas niat memulakan perniagaan inovatif dalam kalangan mahasiswa diploma di UPSI. Seterusnya, bab ini mengutarakan objektif kajian untuk dicapai, soalan-soalan yang perlu ditangani dalam kajian ini, hipotesis-hipotesis untuk diuji, definisi konstruk-konstruk dan struktur keseluruhan laporan kajian ini. Pada bab yang berikutnya, perbincangan tentang kajian-kajian yang sedia ada dan penjelasan terperinci mengenai teori-teori menjadi asas pembentukan rangka kerja penyelidikan dan hipotesis penyelidikan akan dilakukan.